

NO. SOALAN: 53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 19 MEI 2015

RUJUKAN : 8057

SOALAN:

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan siapakah yang memberi arahan ke atas pembunuhan penterjemah Mongolia Altantuya Shariibu dan bagaimana Korporal Sirul Azhar Umar dapat melarikan diri merentasi sekatan PDRM, KDN dan Imigresen Malaysia, menaiki penerbangan dan selamat mendarat di Australia memandangkan hukuman gantung telah dijatuhkan ke atas beliau.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Koperal Sirul telah dibenarkan untuk meninggalkan negara atas kebenaran mahkamah tempoh hari.

Sehubungan dengan itu, selaras dengan peruntukan di bawah Akta dan Peraturan Imigresen 1959/63, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) tidak akan menghalang seseorang yang hendak keluar atau masuk negara jika nama seseorang itu tidak tersenarai dalam senarai syak Jabatan dan juga memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

- (i) memiliki dokumen perjalanan yang sah dan teratur;**
- (ii) memohon dan mendapat kelulusan visa;**
- (iii) menunjukkan bukti kemampuan untuk menyara hidup semasa berada di situ;**
- (iv) mempunyai tiket penerbangan balik ke negara asal; dan**
- (v) tidak menghadapi sebarang penyakit berjangkit.**